



---

---

**PENEMPATAN SEMENTARA PELAMPUNG PANDU  
DI LOKASI TANDARAH SUAR KUALA LANGAT**

---

---

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.  
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Nakhoda Kapal, Tekong Bot,  
Mualim Bot, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.  
Tarikh : 14 Ogos 2007.

---

Adalah dimaklumkan bahawa berikutan keadaan Tandarh Suar Kuala Langat (Beacon) yang telah roboh, maka sebuah Pelampung Pandu berwarna hijau (Starboard Hand Mark) telahpun dilabuhkan pada 4 Ogos 2007, di suatu lokasi berhampiran dengan kedudukan asal Tandarh Suar Kuala Langat. Perlu dimaklumkan juga bahawa Pelampung Pandu itu adalah berstatus penempatan sementara, yangmana suatu alat bantuan pelayaran yang kekal akan dipasang kemudian oleh pihak berwajib di lokasi berkenaan.

2. Berikut adalah butiran lanjut Pelampung Pandu berkenaan :-

- (i) Nama Pelampung: "Kuala Langat Temporary Buoy"
- (ii) Jenis Pelampung: Starboard Hand Mark
- (iii) Sifat Lampu: Fl.G 4s
- (iv) Kedudukan: Latitud 02° 48.17' Utara, Longitud 101° 24.04' Timur.

3. Sehubungan itu, maka semua vesel (kapal-kapal, bot-bot serta bot nelayan) adalah dinasihat supaya mengambil perhatian terhadap penempatan Pelampung Pandu tersebut.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**( MOHD SANI BIN ROSLI )**

b.p. Pegawai Pelabuhan,  
Jabatan Laut Wilayah Tengah,  
Pelabuhan Klang.

- s.k:
- (i) Ketua Pengarah Laut,  
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia.  
( u.p: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran )
  - (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
  - (iii) Pengarah Perikanan,  
Jabatan Perikanan Negeri Selangor.
  - (iv) Pengurus Besar, Persatuan Nelayan Kuala Langat.